

# Kurang guna beg plastik

**K**UCHING: Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menca-dangkan supaya pihak ber-kuasa tempatan (PBT) me-mulakan usaha dalam me-ngurangkan penggunaan beg plastik setiap hari de-ngan mengedarkan beg mesra alam, sama ada se-cara percuma atau menge-nakan bayaran bagi setiap penggunaan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Fomca, Mohamad Yusof Abdul Rahman, ber-kata sudah tiba masanya untuk PBT untuk menge-tengahkan strategi kreatif bagi menggalakkan pengguna menggunakan beg mesra alam ketika membeli-belah di pusat membeli-belah atau pasar basah.

"Ia adalah satu cara un-tuk mendidik pengguna bagi memahami keperluan untuk melindungi alam semula jadi," katanya di sini semalam. – Bernama